

11 OCT 2001

Parlimen-Jet

JET EKSEKUTIF PERDANA MENTERI HANYA UNTUK KEGUNAAN RASMI

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Jet eksekutif Perdana Menteri digunakan untuk tujuan rasmi atas kapasiti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan bukannya Presiden Umno.

Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Mohd Shafie Apdal berkata Dr Mahathir menggunakan jet eksekutif itu sama ada ketika pilihan raya atau menjalankan tanggungjawab rasmi sebagai Perdana Menteri.

"Hakikatnya Perdana Menteri adalah kepala (ketua) kerajaan dan masa itu bertanggungjawab melaksanakan dasar, kehadirannya adalah urusan rasmi untuk menjelaskan dasar-dasar kerajaan," katanya menjawab soalan tambahan Lim Hock Seng (DAP-Bagan) pada persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Ketika menjawab soalan asal Datuk Dr Hassan Mohd Ali (PAS-Parit Buntar), Shafie berkata sejak ditauliahkan pada Dis 1999, pesawat kenamaan itu telah membuat penerbangan sebanyak 565.7 jam sama ada di dalam atau luar negara serta penerbangan "check flight".

Katanya kos penerbangan pesawat itu berdasarkan tempoh penerbangan iaitu RM5,720 sejam.

Jet eksekutif itu dikendalikan Tentera Udara Diraja Malaysia manakala Airod Sdn Bhd diberi tanggungjawab menyenggara dan membaik pulih, katanya.

Shafie berkata sehingga 30 Sept lepas, kos operasi pesawat itu berjumlah RM4.8 juta manakala kos penyenggaraan sebanyak RM5.3 juta.

Sementara itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin berkata kerajaan tidak bercadang menurunkan levi pekerja asing, yang turut menyumbangkan pendapatan kepada negara.

"Kerajaan berpendapat kadar itu adalah berpatutan dan tidak membebankan" katanya menjawab soalan Datuk Dr Yusof Yacob (BN-Sipitang).

Katanya bayaran levi pekerja asing bagi pembantu rumah dan perladangan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak sebanyak RM360 setahun manakala sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan sebanyak RM1,200 setahun bagi Semenanjung dan RM960 di Sabah dan Sarawak.

-- BERNAMA

RZS RZS NAK